

HAL EHWAL KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Pemilihan umum di Indonesia sudah tamat. Daripada pemilihan umum itu orang-orang Islam, parti-parti Islam umumnya, mendapat: Masyumi 57 kerusi, Nahdatul Ulama 45 kerusi, Partai Sarekat Islam Indonesia 8 kerusi, dan parti (Partai Tarekat Islam) 3 kerusi, semuanya 113 kerusi. Melihat kepada keadaan-keadaan dan jumlah kerusi-kerusi yang diisi sebanyak 260 buah itu umat Islam cuma mendapat tidak sampai separuh daripada jumlah kerusi yang direbutkan itu. Sebab-sebab kejadian itu yang besarnya adalah kerana perpecahan-perpecahan yang berlaku dikalangan parti-parti Islam sendiri. Perpecahan itu menjadi satu peluang yang besar kepada kemenangan Parti Komunis di Indonesia yang telah menjadi nombor empat mendapat kerusi di dalam dewan perwakilan rakyat di Indonesia.

(Oleh Edrus)

Melihat kepada keadaan-keadaan yang dijalankan oleh Nahdatul Ulama bersama-sama dengan parti Sarekat Islam Indonesia maka zahir bahawa mereka itu dari satu kesatu masa selalu bertentangan faham dengan Masyumi. Di dalam masa pemilihan umum yang lalu pertentangan-pertentangan itu di beberapa daerah nampak benar. Pihak-pihak Nahdatul Ulama dikatakan telah mengeluarkan (surat-surat pekeliling) dan tuduhan-tuduhan untuk menarik orang jangan berat kepada Masyumi dengan mengatakan bahawa pengertian beribadah Masyumi adalah keluar daripada pengajaran Islam. Itu di luar dari pemerintahan tetapi di dalam pemerintahan nampak dengan jelas kedua-dua parti (Nahdatul dan

Partai Sarekat Islam) selalu fahamanya bertentangan kepada fahaman-fahaman Masyumi. Dengan sebab itu kerap kali ugutan-ugutan tarbiah itu menarik menteri-menterinya apabila timbul satu-satu perselisihan yang tidak disetujuinya yang dibawa oleh Masyumi. Dengan kerana itulah juga harus, menurut pandangan di sebahagian orang, kedua-dua parti itu memberi sokongan kepada jemaah menteri Ali-Arifin yang di dalamnya mendapat sokongan komunis dan dengan menegakkan jemaah menteri ini, sama ada disadari atau tidak, dengan sendirinya kedua-dua parti Islam itu membuka peluang kepada komunis mengembangkan

sayapnya berdayah ke sana sininya yang menjadi sebab kepada kemenangan-kemenangan komunis di Indonesia sehingga mendapat 39 kerusi. Kesalahan langkah yang dilakukan oleh Nahdatul dengan rakanya itu mendampirkan diri kepada komunis sangat-sangat dikesalkan umat Islam bukannya sahaja di Indonesia tetapi juga di luar Indonesia.

Sekarang jemaah menteri baharu telah ditubuhkan dengan tiga parti besar menjadi tiangnya, iaitu PNI (57), Masyumi (57), dan Nahdatul Ulama (45) yang berjumlah semua 159 suara dengan Ali Sastroamidjojo Perdana Menteri baharu, sebagai pembentuk kabinetnya maka zahir dengan kerana tidak ada persatuan umat Islam dikebelakangan oleh Presiden untuk mencalonkan pembentuk kabinet itu. Yang demikian ini disebut oleh umat Islam di Indonesia kerana sepatutnya salah satu daripada parti-parti Islam itulah menjadi pembentuk kabinet kerana ialah yang lebih banyak mempunyai kerusi di dewan perwakilan itu. Kekesalan ini disebut dan dipandang juga bahawa presiden sentiasa melebihi partinya (PNI).

Apabila pembentukan kabinet dimulai maka suara-suara kiri mengharap supaya Masyumi ditinggalkan dan diminta supaya PNI, Nahdatul Ulama dan Komunis menubuhkan jemaah menterinya tetapi rupanya Nahdatul Ulama insaf sekiranya ia mahu menerima tawaran itu bermakna ia membelakangkan saudaranya orang Islam dan memberi kerjasama dengan musuh-musuh Islam. Untuk menebus kepada perkara-perkara yang telah lalu Nahdatul Ulama berkeras menghendaki supaya ikatan dari PNI, Nahdatul dan Masyumi dibentuk. Selain daripada itu ada pula anjuran supaya jemaah menteri Ali Sastroamidjojo itu meninggalkan kedua-duanya iaitu Masyumi dan Komunis dengan mendapat perjanjian bahawa Komunis akan memberi sokongan di dalam dewan perwakilan rakyat. Keadaan ini

sama seperti didalam jemaah menteri Ali-Arifin dahulu. Tujuannya tidak lain daripada hendak meninggalkan Masyumi.

Tetapi kedudukan Masyumi sekarang lain daripada dahulu. Masyumi, mendapat kerusi-kerusi terbanyak, di luar Pulau Jawa, kalau Masyumi ditinggalkan, masalah-masalah kedaerahan akan timbul. Jemaah menteri yang tidak disertai oleh Masyumi boleh dipandang sebagai satu pemerintahan daripada badan-badan perwakilan orang-orang di Jawa sahaja. Dan yang demikian ini adalah sangat berbahaya kepada keselamatan dan kepada persatuan umat Indonesia. Jadi harus dengan kerana itulah didalam pembentukan jemaah menteri ini Masyumi tidak dapat ditinggalkan.

Dengan demikian maka terbentuklah jemaah menteri Ali Sastroamidjojo yang baharu menjadi teras ketiga-tiga parti besar yang tersebut iaitu PNI, Masyumi

Dan Nahdatul Ulama masing-masing mendapat 5 kerusi. Kejadian ini menjadi satu perkara bukan yang bukannya sahaja tidak digemari oleh Komunis tetapi juga oleh sebahagian parti-parti kebangsaan sendiri (orang-orang PNI).

“Waspada”, akhbar kebangsaan yang kiri, menuduh bahawa bentuk jemaah menteri Ali Sastroamidjojo ini sekarang kerana adanya orang-orang Masyumi tentulah condong ke kanan ini sangat dikesalkan olehnya. Ia menghendaki supaya keadaan seperti jemaah Ali-Arifin dahulu dikekalkan. Ini ertinya kemudahan penganjur-penganjur hendak ditegakkan oleh mereka.

Kalau diperhatikan susunan jemaah menteri yang baru, maka tidak dapat persefahaman dan kerjasama di antara Nahdatul dan Masyumi berimbangan, akhirnya nampak bahawa perkara-perkara dalam negeri selain daripada menteri-menteri pertahanan dan pelajaran maka yang lainnya adalah terletak didalam tangan kedua-dua parti itu. Menteri di dalam negeri, menteri agama, sosial, ekonomi dan wakil Perdana Menteri dua di tangan Nahdatul Ulama, sedang Masyumi memegang 5

Kerusi iaitu wakil Perdana Menteri Satu, Menteri Kewangan, Menteri Kehakiman, Menteri Pertanian dan Menteri Perhubungan ada di tangannya. Sekalipun perkara luar negeri dan perdana menteri di tangan P.N. I. dengan Masyumi memegang Kementerian Kehakiman dan Kewangan, maka segala kelakuan dan langkah-langkah korupsi serta merosakkan Negara dapat diselidiki dan dikawal oleh Masyumi, harus dengan kerana inilah, terutamanya pula Kementerian Pertanian di tangan Masyumi, orang Komunis mengadakan perarakan-perarakan menuntut supaya komunis ikut serta atau dimasukkan ke dalam jemaah menteri yang baharu.

Tatkala itu orang-orang bimbang, adakah presiden akan menyampaikan maksud dan kehendak mereka itu? Beberapa hari sebelum perisytiharan susunan jemaah menteri itu, orang-orang merasa bimbang tetapi harus presiden mengerti bahawa memasukkan komunis ke dalam jemaah menteri bermakna mengeluarkan parti-parti agama daripada jemaah menteri itu iaitu Masyumi, Nahdatul Ulama, Partai Sarekat Islam Indonesia, Parti Parkindo, (Kristian) dan Katolik.

Dengan terbentuknya jemaah menteri ini adalah diharap supaya nanti parti-parti Islam melupakan perpecahan-perpecahan mereka yang lalu dan bekerja bersama-sama membentuk rakyat Indonesia kepada aliran ketuhanan yang lebih erat lagi di antara mereka kerana dengan kerjasama itu dapat mereka mengasaskan peluang untuk menegakkan kalimah Allah hiya al-‘Ulyā dengan merapati rakyat jelata memberikan faham dan pengertian-pengertian Islam yang sebenar-benarnya kepada mereka menerusi kementerian-kementerian agama, sosial, kewangan, pertanian dan perhubungan iaitu kementerian-kementerian yang rapat perhubungannya dengan rakyat jelata. Kalau jemaah menteri itu dapat berdiri hingga 4 tahun (sehingga kepemilihan umum yang akan

datang) maka diharap parti-parti Islam itu akan dapat mengembangkan sayapnya lagi kepada umatnya supaya mereka itu jangan tertipu dan ditipu oleh parti-parti lain diharap benar ukhwah islamiah terdiri, suara jadi satu, perasaan juga satu untuk membentuk cita-cita meninggikan kalimah Allah.

TAHUKAH ANDA....?

Bahawa menurut *Straits Times Federation Regiment* sekarang mengambil ahli-ahlinya (untuk tentera *federation*) hanya orang Cina sahaja. Langkah ini, dikatakan hanya untuk sementara sahaja kerana untuk menambah bahagian-bahagian orang-orang Cina dalam pasukan itu supaya menjadi: 25 peratus Melayu, 50 peratus Cina dan 25 peratus lain-lain bangsa!

* * *

Bahawa akhbar *Straits Times* telah menyiarkan gambar Tengku Abul Rahman yang sedang menunjukkan tangannya kepada tukang tilik?

* * *

Bahawa Utusan Melayu bertarikh 14 dan 16 Mac telah mengeluarkan gambar-gambar Tengku Abdul Rahman juga iaitu gambar tatkala beliau sedang menari dan gambar tatkala makan bersepit?

* * *

Bahawa Tuan David Marshall meninggalkan rapat raksasa merdeka di Kallang *Airport* pada 18. 3. 56 apabila memerhati keadaan tidak berapa menyenangkan?

* * *

Bahawa Tuan Lee Kuan Yiew dan ahli-ahli “PETIR” tidak berupaya mententeramkan “peristiwa” yang berlaku di Kallang *Airport*?